

## **Risalah Darurat: Strategi Kerajaan dalam Memenangi Jiwa dan Pemikiran Orang Cina di Tanah Melayu, 1948–1960**

### ***Emergency Leaflets: The Government's Strategy in Winning the Hearts and Minds of the Chinese in Malaya, 1948–1960***

\*HO HUI LING

MARDIANA NORDIN

NORAINI MOHAMED HASSAN

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: hohuiling@um.edu.my

**Published online:** 31 October 2023

**To cite this article:** Ho Hui Ling, Mardiana Nordin and Noraini Mohamed Hassan. 2023. Risalah Darurat: Strategi kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran orang Cina di Tanah Melayu, 1948–1960. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 30(2): 173–206. <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/kajh2023.30.2.9>

**Abstract.** *In Malaya, the Chinese were influenced the most by the communist movement and thus developed into the largest supporting group. In this situation, the government of the Federation of Malaya (hereinafter the government) has planned and carried out various strategies to win their hearts and minds in order to thwart them from joining the communist struggle. The discussion in this article is based on Chinese-written Emergency Leaflets disseminated by the government through the Department of Information specifically for the Chinese during the emergency period (1948–1960). This study aims to discuss the importance of physical propaganda in the form of Emergency Leaflets in helping the government to rally support from the Chinese as well as to look into the government's stands towards the communist movement. This study clearly shows that the Emergency Leaflets have been used by the government as propaganda and an instrument of communication to explain to the Chinese about the situation in Malaya including the danger of communist threats and efforts taken in the fights against the communists. Their cooperation was also called in combating the communist movement. Thus, the leaflets played an important role as a medium of propaganda for the government to restrain the communists' influences during the emergency.*

**Keywords and phrases:** *Emergency Leaflets, propaganda, the Chinese, the hearts and minds, communist*

**Abstrak.** Di Tanah Melayu, orang Cina merupakan golongan yang paling ramai terpengaruh dengan gerakan komunis sehingga membentuk kumpulan penyokong yang paling besar. Dalam keadaan ini, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (seterusnya disebut sebagai kerajaan) membuat perancangan dan menjalankan pelbagai strategi untuk memenangi jiwa dan pemikiran mereka supaya tidak menyertai perjuangan komunis. Perbincangan dalam makalah ini adalah berdasarkan penelitian terhadap Risalah Darurat (*Emergency Leaflets*) dalam tulisan Cina yang disebar oleh kerajaan melalui Jabatan Penerangan kepada penduduk Cina pada zaman darurat (1948–1960). Kajian ini bertujuan membincangkan kepentingan propaganda fizikal dalam bentuk Risalah Darurat untuk membantu kerajaan meraih sokongan daripada orang Cina selain melihat pendirian kerajaan terhadap gerakan komunis. Kajian ini dengan jelas menunjukkan Risalah Darurat digunakan oleh kerajaan sebagai propaganda dan instrumen komunikasi untuk menerangkan kepada penduduk Cina tentang situasi di Tanah Melayu termasuk bahaya ancaman komunis serta langkah yang diambil dalam memerangi komunis. Kerajaan turut menyeru penduduk Cina agar memberi kerjasama dalam menumpaskan gerakan komunis. Justeru, risalah memainkan peranan penting sebagai medium propaganda kerajaan untuk memerangi pengaruh komunis semasa darurat.

**Kata kunci dan frasa:** Risalah Darurat, propaganda, orang Cina, jiwa dan pemikiran, komunis

## Pengenalan

Selepas zaman pendudukan Jepun, ancaman keselamatan utama yang dihadapi oleh pentadbiran British di Tanah Melayu adalah gerakan komunis. Masalah komunis bermula di negeri-negeri Melayu sejak awal tahun 1920-an dan mencapai kemuncak pada bulan Jun 1948 apabila Tanah Melayu diisytiharkan memasuki zaman darurat. Zaman darurat bermula pada 18 Jun 1948 sehingga 31 Julai 1960. Pada ketika itu, komunis dan Parti Komunis Malaya (PKM) merupakan ancaman utama kepada kestabilan pentadbiran, keamanan masyarakat dan keselamatan negara. Justeru, ancaman ini perlu ditangani dengan segera oleh pentadbiran British di Tanah Melayu. Dalam gerakan komunis di Tanah Melayu, tidak dapat dinafikan orang Cina merupakan golongan yang paling ramai terpengaruh lalu menyokong serta menyertai mereka. Hal ini dipengaruhi oleh latar belakang orang Cina, hubungan mereka dengan China dan pengaruh pendidikan Cina yang diterima. Faktor ini mempengaruhi pemikiran dan penerimaan sebahagian orang Cina terhadap komunisme yang dibawa dari China. Makalah ini memfokus kepada strategi kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran penduduk Cina di Tanah Melayu pada zaman darurat, 1948–1960 melalui Risalah Darurat (*Emergency Leaflets*) yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu. Risalah Darurat banyak diedarkan di kawasan penempatan orang Cina di pekan, kampung baru dan luar bandar dalam usaha kerajaan untuk memenangi kerjasama

mereka bagi memerangi komunis. Untuk meneliti kepentingan Risalah Darurat sebagai propaganda fizikal oleh kerajaan, perbincangan dalam makalah ini memberi tumpuan kepada beberapa contoh risalah tulisan Cina yang diedarkan oleh kerajaan kepada orang Cina.

Propaganda merupakan ideologi, pendapat atau mesej yang dihebahkan dengan tujuan untuk mempengaruhi pemikiran atau kelakuan orang ramai atau pihak lawan. Propaganda sering memilih fakta-fakta dengan teliti dan kerap menggunakan ayat atau bahasa yang membakar emosi golongan sasaran supaya dapat menimbulkan maklum balas mereka. Pendekatan propaganda ini digunakan untuk mewujudkan komunikasi beremosi dengan golongan sasaran. Dengan itu, propaganda menjadi instrumen penting kepada pihak pentadbiran dalam mempengaruhi pendapat dan pemikiran individu atau kelompok supaya mereka sentiasa memberi sokongan kepada dasar kerajaan bagi mencapai tujuan mereka dengan efektif. Propaganda disebut juga sebagai perang saraf atau perang psikologi, iaitu penggunaan pendekatan psikologi bagi mempengaruhi pendirian, emosi, tingkah laku dan perwatakan seseorang. Pelancaran propaganda dan perang saraf memerlukan perancangan, matlamat dan penyediaan bahan yang efisien (Sahul Hamid 2017, 139). Selepas Perang Dunia Kedua, Tanah Melayu berdepan dengan pemberontakan komunis dan zaman darurat. Pada ketika itu, pentadbiran British bersaing dengan PKM untuk memperoleh sokongan daripada penduduk dalam meneruskan agenda politik mereka. Propaganda menjadi strategi penting kerajaan dalam kerangka melindungi penduduk daripada propaganda komunis dan juga memujuk komunis supaya meninggalkan gerakan mereka. Sejak itu, pendekatan propaganda berjalan seiring dengan langkah kerajaan bagi memerangi ancaman komunis di Tanah Melayu.

Penekanan kerajaan terhadap penggunaan propaganda ini adalah berkembang mengikut perancangan kerajaan dalam memerangi gerakan komunis. Pada peringkat awal zaman darurat antara tahun 1948 sehingga 1949, kerajaan lebih menekankan langkah kawalan terhadap pergerakan dan aktiviti penduduk serta komunis dan pendekatan propaganda kurang diberi perhatian. Pada tahun 1950, melalui Rancangan Briggs, kerajaan memfokus kepada pemberian perlindungan kepada penduduk daripada pengaruh komunis khasnya orang Cina. Bermula pada tahun 1952, strategi propaganda balas melalui penyebaran risalah digunakan dengan meluas bagi menghapuskan pengaruh komunis dalam kalangan penduduk terutama di kawasan luar bandar. Pendekatan propaganda dan perang saraf yang semakin berkembang pada zaman Sir Gerald Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi British (1952–1954) sehingga wujudnya frasa “memenangi hati dan pemikiran penduduk”. Dengan itu, pelbagai rancangan disusun untuk memenangi hati dan pemikiran penduduk. Kepentingan pendekatan propaganda dan perang saraf dalam

memerangi ancaman komunis dapat dilihat sebagaimana pandangan Sir Gerald Templer “The answer lies not in pouring more troops into the jungle but in the hearts and minds of the people” (Sahul Hamid 2017, 142). Pada zaman darurat, mesej propaganda disebarkan kepada penduduk secara bentuk fizikal seperti melalui akhbar dan risalah atau dalam bentuk bukan fizikal melalui filem dan radio. Walaupun akhbar, filem dan radio merupakan medium propaganda yang penting untuk menyampaikan mesej kerajaan, namun terdapat keterbatasan dalam kemampuan penduduk untuk memperoleh mesej tersebut. Bukan semua penduduk boleh membaca dan memahami mesej kerajaan melalui akhbar. Penggunaan radio tidak begitu meluas pada ketika itu kerana masalah rangkaian dan kelengkapan penyiaran. Penyebaran mesej melalui tayangan filem pula terbatas ekoran kekurangan kelengkapan dan masalah sistem perhubungan serta keadaan geografi yang menghadkan penayangan filem secara meluas kepada penduduk (Ramakrishna 2002a, 73–76). Risalah dengan mesej kerajaan yang dicetak dapat disebarkan kepada penduduk dengan bantuan pasukan keselamatan, pegawai kerajaan dan pemimpin tempatan di kawasan yang disasarkan di seluruh pelosok Tanah Melayu. Risalah turut dapat diterima oleh mereka yang tinggal di kawasan pedalaman melalui bantuan pesawat udara. Risalah ini menjelaskan peraturan darurat kepada penduduk dan membolehkan mereka mengikuti berita semasa serta tindakan kerajaan dalam menghadapi gerakan komunis. Justeru, risalah menjadi salah satu bahan propaganda kerajaan bagi memperoleh keyakinan dan sokongan penduduk terhadap langkah kerajaan menentang komunis.

Walaupun terdapat penulisan berkaitan perang psikologi dan kaedah propaganda kerajaan British di Tanah Melayu semasa darurat, namun penggunaan risalah sebagai strategi pentadbiran British dalam memenangi jiwa dan pemikiran orang Cina belum diberi penekanan. Antaranya, buku Ramakrishna berjudul *Emergency Propaganda: The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948–1958* (2002a) menumpu kepada sejarah, agenda dan perkembangan fasa propaganda kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menangani masalah komunis. Buku ini membahagikan perkembangan propaganda kerajaan kepada empat fasa iaitu dari tahun 1948 sehingga 1950, dari tahun 1950 sehingga 1952, dari tahun 1952 sehingga 1954 dan dari tahun 1954 sehingga 1958. Makalah beliau bertajuk “Telling the Simple People the Truth: The Role of Strategic Propaganda in the Malayan Emergency” (2002b) pula mengandungi perbincangan yang serupa dengan buku yang dinyatakan sebelum ini. Makalah ini meneliti peranan propaganda kerajaan zaman darurat mengikut tahap perancangan kerajaan untuk menangani komunis. Namun begitu, kedua-dua tulisan ini tidak meneliti Risalah Darurat yang diedarkan kepada orang Cina pada zaman darurat. Sementara itu, Stubbs (1989) dalam bukunya menumpukan perancangan dan evolusi langkah propaganda kerajaan British dan PKM dalam meraih simpati dan kesetiaan penduduk. Buku

ini mempopularkan frasa memenangi hati dan pemikiran penduduk Tanah Melayu supaya mereka menyokong British. Stubbs turut menyebut kaedah propaganda kerajaan terhadap penduduk melalui penerbitan akhbar dan penggunaan radio, filem serta risalah. Namun demikian, penggunaan Risalah Darurat yang disasarkan kepada orang Cina tidak dibincangkan.

Makalah yang dihasilkan oleh Abdullah Zakaria (2010) menghuraikan penggunaan risalah oleh kerajaan dalam menyampaikan maklumat kepada penduduk bagi membanteras kegiatan komunis. Walaupun demikian, makalah ini hanya memberi tumpuan kepada risalah tulisan Jawi yang diedarkan kepada orang Melayu di kampung-kampung berdasarkan dokumen tulisan Jawi yang diperoleh di Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor. Tulisan berkenaan darurat dan kaedah propaganda turut dihasilkan oleh Mohd Kasri (2019). Makalah ini membincangkan strategi dan perancangan pihak kerajaan bagi membasmi kegiatan komunis dengan tumpuan kepada langkah keselamatan serta pertahanan dan pendekatan psikologi. Seperti halnya dengan tulisan yang dinyatakan, makalah ini juga tidak membincangkan Risalah Darurat yang diedarkan khususnya kepada orang Cina di negeri-negeri Melayu.

Selain itu, J.N. McHugh, bekas Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Raya Tanah Melayu, telah menulis dua buah makalah berjudul “Psychological Warfare in Malaya (1942–1946)” (1965/1966) dan “Psychological, or Political, Warfare in Malaya” (1966/1967) menerangkan punca dan dorongan kepada British untuk melaksanakan perang psikologi di Tanah Melayu dari zaman Perang Dunia Kedua sehingga sejeurus selepas perang. Tulisan ini turut mengetengahkan sejarah awal Jabatan Propaganda kerajaan British di Tanah Melayu dan propaganda kerajaan bagi menentang Jepun serta komunis. Umumnya, tulisan ini menjurus kepada propaganda politik oleh kerajaan British dalam memperoleh keyakinan penduduk sejeurus selepas zaman Jepun dan seterusnya propaganda kerajaan dalam mendedahkan perubahan dalam pentadbiran baharu di bawah Malayan Union kepada penduduk serta perang psikologi secara umum semasa darurat. Walaupun McHugh ada menyebut tentang penggunaan risalah sebagai antara propaganda kerajaan untuk membanteras komunis, tetapi beliau tidak meneliti pun Risalah Darurat yang disebar oleh kerajaan. Sebaliknya, tulisan beliau lebih melihat perang psikologi sebagai propaganda politik kerajaan British dalam memelihara pentadbirannya di Tanah Melayu semasa dan selepas Perang. Sementara itu, walaupun tulisan dalam talian oleh Friedman (2010) menceritakan perang psikologi pada zaman darurat di Tanah Melayu termasuk penggunaan risalah, namun beliau memberi tumpuan tentang risalah kerajaan kepada komunis dan bukan orang awam. Oleh yang demikian, penelitian terhadap penggunaan Risalah Darurat sebagai strategi kerajaan bagi memerangi komunis adalah wajar dilakukan agar

risalah itu dapat didedahkan kepada pembaca. Justeru, makalah yang diusahakan ini memfokus kepada kepentingan risalah dalam usaha kerajaan memenangi jiwa dan pemikiran orang Cina di Tanah Melayu pada zaman darurat.

### **Gerakan Komunis dan Langkah Kerajaan dalam Memerangi Komunis**

Gerakan komunis mula dikesan di Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an. Pada peringkat awal, komunis tidak melakukan gerakan secara kekerasan dan keganasan tetapi menyebarkan pengaruh melalui beberapa saluran seperti cawangan Kuomintang (KMT), bahan penerbitan, sekolah Cina, pertubuhan serta kesatuan sekerja (*The Communist Threat to the Federation of Malaya* 1959, 18–19; Ho 2004, 1–3; Ho 2010a, 1–7; Ho 2020, 144; Chin 1995, 19). Pada bulan April 1930, PKM ditubuhkan yang bermatlamatkan penubuhan sebuah republik komunis di Tanah Melayu. Pada ketika itu, komunis mempergiatkan usaha untuk menguasai golongan buruh melalui penguasaan dalam kesatuan sekerja dan menghasut buruh melakukan mogok supaya timbul keadaan huru-hara yang boleh mengganggu kestabilan ekonomi negara. Komunis juga berusaha dalam menyebarkan pengaruh dan menjalin hubungan dengan orang Cina melalui penganjuran gerakan anti-Jepun ketika Perang China-Jepun meletus di China pada tahun 1937 (Ho 2004, 6–8). Semasa Jepun berjaya menakluki dan menduduki Tanah Melayu pada tahun 1941, komunis melalui kerjasama dengan British telah menubuhkan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) yang bertujuan untuk menentang Jepun. Dalam persetujuan kerjasama yang tercapai antara PKM dengan British, PKM membekalkan rekrut manakala British menyediakan latihan ketenteraan, bantuan senjata, bekalan logistik, kewangan, maklumat dan perubatan kepada komunis. Pada masa yang sama, MPAJA telah dapat memenangi sokongan orang Cina kepada gerakan komunis di negeri-negeri Melayu. Orang Cina memberi bantuan dari segi bahan makanan, wang, maklumat dan rekrut kepada MPAJA untuk menentang Jepun (*Handbook to Malaya [Federation of Malaya and the Colony of Singapore] and the Emergency* 1956, 9; SP. 127/A/1 1981; Ho 2004, 10). Hal ini kerana orang Cina melihat MPAJA ditubuhkan bagi melindungi mereka daripada kejayaan Jepun. Di sinilah hubungan antara komunis dengan orang Cina mula terjalin.

Selepas zaman pendudukan Jepun, cabaran utama yang dihadapi oleh British di Tanah Melayu ialah mengenal pasti cara untuk mengembalikan keyakinan penduduk terhadap pentadbirannya. Walaupun British menjajah semula Tanah Melayu, namun mereka berada dalam keadaan pentadbiran dan ekonomi yang tidak begitu stabil akibat perang. Pada masa yang sama, wujud pula perjuangan untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan melalui gerakan pertubuhan radikal dan kebangkitan gerakan nasionalisme anti-penjajah dalam kalangan



penduduk di Tanah Melayu (Soenarno 1960, 16–22). Seterusnya, pihak kerajaan berdepan pula dengan gerakan pemberontakan komunis yang boleh menggoncang pentadbiran British sekiranya tidak ditangani dengan berkesan. Memandangkan keadaan itu, British mengambil usaha untuk membersihkan imej dan memperbaiki kedudukan mereka dari sudut pandang masyarakat. Jabatan Perhubungan Raya<sup>1</sup> ditubuhkan pada tahun 1946 untuk melaksanakan propaganda dan perang saraf bagi mengembalikan keyakinan penduduk terhadap pentadbiran British. Jabatan ini terus berfungsi untuk menyokong tindakan kerajaan dan pasukan keselamatan dalam usaha menentang gerakan komunis sewaktu zaman darurat bermula. Pada ketika itu, jabatan tersebut terus berkembang dan memainkan peranan sebagai saluran komunikasi antara kerajaan dengan penduduk melalui propaganda dan perang saraf yang dilancarkan untuk memerangi pengaruh komunis. Pada masa yang sama, ia juga digunakan oleh pihak kerajaan dalam mempengaruhi komunis untuk menghentikan kegiatan dan menyerah diri. Sejak tahun 1950, semasa C.C. Too menjadi Ketua Bahagian Perang Psikologi, pendekatan propaganda dan perang saraf mula dikembangkan bagi memastikan *law and order* (undang-undang dan ketenteraman awam) dapat dipelihara di Tanah Melayu (Ramakrishna 2002a, 73; Stubbs 1989, 181–183; Friedman 2010, 4–5).

Zaman darurat bermula ekoran daripada peristiwa pembunuhan tiga orang peladang Eropah di Sungai Siput, Perak, oleh komunis pada 16 Jun 1948. Mangsa yang terlibat ialah Arthur Walker, pengurus Ladang Elphil; John Allison dan pembantunya, Ian Christian dari Estet Phin Soon (rujuk *The Straits Times* 1948a; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)* 1948a; *The Malay Mail* 1948; *Nanyang Siang Pau* 1948a dan 1948b; CO717/175 1948–1949; Raj 2000, 92). Berikutnya, Sir Edward Gent selaku Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu mengisytiharkan darurat menerusi Proklamasi Peraturan-peraturan Perlu Pentadbiran Tentera British (British Military Administration, BMA) atau BMA (Essential Regulations Proclamation). Pada 18 Jun 1948, seluruh Tanah Melayu diletakkan di bawah kuat kuasa darurat dan bermulalah tempoh yang dikenali sebagai zaman darurat di Tanah Melayu. Peraturan ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan Emergency Regulations Ordinance 1948 yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan pada 5 Julai 1948 (Federation of Malaya No. 10 of 1948 1948; Federation of Malaya 1948, 1153; CO717/168 1948; CO717/169 1948; CO717/175 1948–1949. Rujuk juga O'Ballance 1960, 82; Clutterbuck 1967, 39; Yuen 1998, 7; Short 2000, 94; Ward and Mirafior 2003, 214).

Pada zaman darurat, pelbagai kegiatan komunis dilaporkan berlaku di Tanah Melayu meliputi serangan, pembunuhan, penculikan, sabotaj bom tangan, memeras ugut, merosakkan kemudahan awam dan kemudahan asas, merosakkan

pokok getah, bangunan serta peralatan di estet dan lombong. Malah, komunis juga mencabar kekuatan pasukan keselamatan dan menyerang peladang serta pelombong Eropah (keterangan lanjut rujuk Ho 2004; RCP/P.R./1049/48 1948). Dengan itu, pihak pentadbiran British bertindak merancang dan mengambil pelbagai langkah untuk membanteras komunis demi memelihara keamanan serta kepentingan mereka di Tanah Melayu. Antara langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah menambahkan kekuatan pasukan keselamatan, menguatkuasakan penggunaan kad pengenalan, memberi ganjaran kepada pemberi maklumat berkaitan komunis, mengadakan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat, menubuhkan pasukan Home Guard, menjalankan rancangan pemindahan dan penempatan semula, mendirikan *jungle fort* (kubu hutan) bagi melindungi Orang Asli, langkah memenangi jiwa serta pemikiran penduduk, mengadakan Rundingan Baling, mengisytiharkan tawaran penyerahan diri kepada komunis dan banyak lagi.

Langkah memenangi jiwa dan pemikiran penduduk merupakan antara strategi yang dilakukan oleh kerajaan supaya penduduk tidak menyokong perjuangan komunis. Langkah ini penting dilaksanakan ketika kerajaan berdepan dengan persaingan komunis untuk mendapatkan sokongan dan kerjasama daripada penduduk khususnya orang Cina. Antara pendekatan yang diambil adalah dengan menggunakan risalah sebagai strategi propaganda kerajaan. Pada awal zaman darurat sehingga pertengahan tahun 1950, ketika Sir Henry Gurney menjadi Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu, risalah telah mula diedarkan kepada penduduk tetapi lebih cenderung untuk menyatakan kegiatan keganasan komunis. Seterusnya ketika Sir Harold Briggs menjadi Pengarah Gerakan Darurat, risalah digunakan untuk membantu menggerakkan langkah kerajaan memerangi komunis seperti rancangan pemindahan penduduk dan kawalan makanan. Perkembangan strategi propaganda ini semakin jelas ketika pentadbiran Sir Gerald Templer. Risalah bukan sahaja menyampaikan maklumat tentang kegiatan komunis, malahan turut diselitkan dengan mesej kerajaan untuk memenangi kerjasama penduduk dan menjelaskan tindakan kerajaan dalam membanteras gerakan komunis (Ramakrishna 2002a, 73; Stubbs 1989, 181–183).

Dalam rekod kerajaan British, risalah ini dikenali sebagai Risalah Darurat (*Emergency Leaflets*). Pada zaman darurat, berjuta-juta keping risalah diedarkan oleh pihak kerajaan. Sejumlah 51 juta keping risalah telah dihasilkan pada tahun 1949 dan 35 juta pada tahun 1950 (Ramakrishna 2002a, 73). Sehingga tahun 1957, sejumlah 116,000,000 keping risalah telah diedarkan (McHugh 1966/1967, 88). Dalam hal ini, Jabatan Perhubungan Raya yang kemudiannya dikenali sebagai Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu (bermula tahun 1950) di Kuala Lumpur telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan serta menyebarkan risalah. Risalah Darurat ini meliputi risalah dalam bentuk tulisan dan juga risalah



dalam bentuk tulisan dengan ilustrasi atau gambar sekali. Dalam hal ini, risalah bentuk tulisan dengan ilustrasi atau gambar memudahkan pihak pentadbiran untuk menyampaikan maklumat tentang kegiatan komunis kepada penduduk. Ilustrasi atau gambar dalam risalah itu dengan sendirinya dapat menyampaikan maklumat dan mesej kerajaan. Selain itu, risalah dengan ilustrasi yang menarik atau gambar dapat menimbulkan perhatian penduduk untuk membacanya. Begitu juga gambar kartun yang diilustrasikan dalam risalah dapat membantu pemahaman penduduk yang buta huruf tentang mesej kerajaan. Tambahan pula, secara umumnya ketika itu, kadar celik huruf dalam kalangan penduduk dewasa di Tanah Melayu hanya 40% dan di sesetengah negeri hanya 15% sahaja (McHugh 1965/1966, 51; Ramakrishna 2002a, 73–74). Dengan itu, mesej pihak pentadbiran dapat disampaikan kepada kumpulan sasar dengan mudah. Kebiasaannya, Risalah Darurat disediakan dalam tulisan Cina kerana majoriti yang terpengaruh dan dipengaruhi komunis adalah orang Cina. Namun demikian, terdapat juga risalah yang disediakan dalam tulisan Jawi dan Tamil supaya mesej dapat disebarkan serta difahami oleh semua kaum. Dalam risalah ini, kerajaan melabelkan komunis sebagai “penjahat”, “pembunuh”, “pengganas” atau “penyamun” dan pihak kerajaan yang bertanggungjawab untuk membanteras mereka. Kerajaan mempropagandakan imej negatif terhadap komunis kepada penduduk kerana komunis adalah penentang British. Strategi propaganda ini memudahkan kerajaan dalam mempengaruhi pemikiran penduduk dan meraih sokongan mereka. Dalam risalah ini juga, kerajaan mengingatkan penduduk tentang kekejaman komunis sambil menyeru penduduk memberi kerjasama bagi membanteras komunis supaya keamanan negara dapat dipulihkan dengan segera. Sungguhpun begitu, tumpuan perbincangan dalam makalah ini adalah kepada Risalah Darurat dalam tulisan Cina yang diedarkan kepada orang Cina ketika zaman darurat.

### **Penyebaran Maklumat Tentang Kegiatan Komunis kepada Penduduk Cina**

Daripada penelitian terhadap Risalah Darurat yang diedarkan kepada orang Cina pada zaman darurat, tindakan ini bertujuan untuk memberi maklumat tentang kegiatan komunis yang mengancam ketenteraman hidup mereka. Langkah ini dapat memberi kesedaran dan peringatan kepada penduduk Cina tentang kejahatan serta keganasan oleh komunis yang mendatangkan pelbagai gangguan dan kesusahan dalam kehidupan mereka. Dengan itu, penduduk Cina tidak akan terpengaruh dan tidak akan menerima ideologi komunis. Keadaan itu boleh menyebabkan komunis menghadapi pelbagai kesukaran dalam gerakan seperti tiadanya bantuan makanan, keperluan hidup, maklumat dan rekrut daripada penduduk. Sebaliknya keadaan ini dapat memudahkan pihak kerajaan untuk menghapuskannya. Justeru, penyebaran Risalah Darurat merupakan antara strategi penting yang diambil oleh kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran penduduk Cina pada zaman darurat.

Antara kegiatan yang dilakukan oleh komunis pada zaman darurat ialah membakar kampung dan menyebabkan penduduk kehilangan tempat tinggal serta harta benda seperti dalam kejadian pada pagi 26 Julai 1948, setengah daripada Kampung Pantai Remis di Sitiawan, Perak, telah musnah dibakar oleh komunis dan menyebabkan lebih 500 orang pekerja kehilangan tempat tinggal (*The Straits Times* 1948b; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)* 1948b; CO825/66 1948). Berikutan kejadian tersebut, maklumat tentang pembakaran Kampung Simpang Tiga oleh komunis disebarkan oleh kerajaan kepada penduduk Cina melalui Risalah No. 350 “Tujuan Sebenar Komunisme di Tanah Melayu: Memusnahkan Rumah Kediaman Pekerja di Kampung Simpang Tiga” (seperti dalam Rajah 1) (D.O.K.L. 58/50 1950). Risalah ini memuatkan maklumat tentang perbuatan komunis membakar rumah pekerja yang didirikan daripada wang hasil titik peluh mereka di Kampung Simpang Tiga. Dalam risalah itu juga, penduduk diminta menyalurkan maklumat tentang komunis kepada balai polis dengan segera supaya “penyamun” komunis dapat dihapuskan dan penduduk dapat hidup dengan aman sentosa. Melalui risalah ini, jelas dapat dilihat bahawa ia berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dengan penduduk serta propaganda kerajaan untuk meraih sokongan penduduk. Kerajaan dapat mendedahkan kepada penduduk tentang “tujuan sebenar komunisme di Tanah Melayu” dan pada masa yang sama, menyeru mereka untuk membantu kerajaan dalam menentang komunis supaya kejadian seperti itu tidak akan berulang.

## 共產主義在馬來亞的真面目

燒燬工人的房屋

新邦地加村



被共黨匪徒燒燬的新邦地加村



在政府及馬華公會協助之下，已重建起來了。

被共黨匪徒燒燬的工人和農民的房屋，是用終生辛勞地賺來的錢建築的。

迅速的情報，實可以防止新邦地加村的被燒燬。

迅速的情報，可以防止你們的鄉村遭此種災禍。

現在實行供給警局以情報吧。

迅速的情報，可保障你們與你們家人的安全。

供給情報可獲賞金，可帶來安全。

大家應協助消滅共黨匪徒，俾愛好和平的人民得以安居樂業。

No. 350C—135,000

Rajah 1. Risalah no. 350


Pada 7 Mac 1950, komunis melepaskan tembakan kepada penduduk di kawasan Kepong, Selangor, yang sedang menonton wayang dalam sebuah khemah. Dalam kejadian itu, lima orang penduduk terbunuh dan 12 orang cedera. Mangsa yang terbunuh termasuk dua orang kanak-kanak lelaki bangsa Cina berusia 11 tahun dan seorang lagi kanak-kanak lelaki berumur lima tahun. Selain itu, lima orang kanak-kanak perempuan mengalami kecederaan. Risalah No. 351 “Tujuan Sebenar Komunisme di Tanah Melayu: Membunuh Pekerja dan Anak-anak Mereka” (seperti dalam Rajah 2) menyebarkan perbuatan kejam “pengganas” komunis itu kepada penduduk Cina dengan menyatakan “Komunisme disamakan dengan keganasan dan pembunuhan” (CO875/71 1950–1951). Dalam risalah, pihak kerajaan turut menyeru penduduk Cina menyampaikan maklumat tentang komunis yang mereka ketahui dan bekerjasama dengan pasukan keselamatan demi tanggungjawab bagi melindungi keselamatan anak serta keluarga.



Rajah 2. Risalah no. 351

Pada zaman darurat, komunis juga melakukan ugutan terhadap penduduk untuk mendapat wang, makanan dan keperluan hidup supaya komunis boleh meneruskan gerakan. Peras ugut adalah salah satu “senjata” yang sering digunakan oleh komunis untuk mengancam penduduk agar memberi bantuan (T.P.D. 428/52 1952). Contohnya, komunis telah mengugut petani menyerahkan wang hasil titik peluh mereka. Wang adalah sumber penting kepada komunis untuk meneruskan kegiatan bagi mencapai matlamat perjuangan iaitu menubuhkan republik komunis di Tanah

Melayu (S.S. Johore No. 441/1949 1949; SP. 127/A/1 1981). Memandangkan hal itu, maklumat berkenaan kegiatan komunis perlu disebarkan untuk pengetahuan penduduk Cina. Perkara ini dapat dilihat melalui Risalah No. 349 “Tujuan Sebenar Komunisme di Tanah Melayu: Memeras Ugut Petani” (seperti dalam Rajah 3) (S.U.K. TR. 62/1950 1950). Dalam risalah ini, pihak kerajaan mendedahkan kegiatan kejahatan “penyamun” komunis kepada masyarakat Cina supaya mereka tidak membantu komunis kerana bantuan wang kepada komunis dapat membolehkan komunis meneruskan gerakan. Pada masa yang sama, kerajaan juga menyeru penduduk untuk membantu kerajaan menghapuskan komunis dengan menyalurkan maklumat tentang komunis kepada pihak berkuasa. Maklumat tersebut membolehkan kerajaan menghapuskan komunis, menjamin keselamatan penduduk dan memulihkan keamanan negara.



**Rajah 3.** Risalah no. 349

Selain itu, komunis juga melakukan sabotaj bom tangan kepada penduduk pada zaman darurat. Kegiatan komunis itu mendatangkan kebimbangan dan penderitaan kepada penduduk. Dalam kejadian pada 9 Julai 1950, komunis melakukan sabotaj bom tangan kepada sebuah kampung baru di negeri Perak. Komunis melontarkan sebutir bom tangan ke arah sebuah tempat tinggal penduduk di kawasan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan seorang lelaki Cina mati dan empat yang lain cedera termasuklah seorang wanita. Berikutan kejadian tersebut, maklumat tentang perbuatan komunis berkenaan dimuatkan dalam Risalah No. 389 “Tujuan Sebenar

Komunisme di Tanah Melayu: Menyerang Kampung Anda” (seperti dalam Rajah 4) dan diedarkan kepada penduduk Cina (D.O.K.L. 58/50 (A) 1950).



Rajah 4. Risalah no. 389

Dalam risalah ini, kerajaan menyeru penduduk membekalkan maklumat tentang “penyamun” dan “pembunuh” (komunis) kepada pihak berkuasa demi keselamatan keluarga dan anak-anak mereka serta mengelakkan kegiatan kekejaman “penyamun” berlaku lagi di kampung mereka. Penduduk juga diminta bekerjasama dengan pasukan keselamatan dalam mematahkan serangan yang dilakukan oleh “penyamun”. Selaras dengan hasrat berkenaan, penduduk diminta menyalurkan maklumat tentang “penyamun” dan “pengganas” serta maklumat tentang orang yang memberi bantuan kepada mereka ke alamat Peti Surat No. 5000. Pada masa yang sama, sebagai galakan kepada pemberi maklumat, mereka akan mendapat ganjaran daripada kerajaan. Dengan itu, jelas bahawa risalah digunakan sebagai strategi kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran penduduk supaya tidak menerima komunis, sebaliknya membantu pihak keselamatan untuk memerangi komunis. Risalah seperti ini memainkan peranan penting dalam membangkitkan emosi penduduk untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan dalam menentang kegiatan komunis.

Dalam kejadian yang melibatkan sebuah rumah anak yatim di Serendah, Hulu Selangor, berita tentang komunis membakar dan memusnahkan bangunan serta membunuh penyelia rumah berkenaan telah disebarikan melalui Risalah No. 348 “Tujuan Sebenar Komunisme di Tanah Melayu: Menyerang Rumah Anak Yatim Miskin” (seperti dalam Rajah 5) (CO875/71 1950–1951). Dalam risalah tersebut, komunis disamakan dengan “penyamun” dalam usaha kerajaan untuk mengingatkan penduduk tentang perjuangan sebenar komunis di Tanah Melayu. Melalui risalah tersebut juga, kerajaan mengingatkan penduduk bahawa selagi keganasan komunis tidak berakhir, maka keamanan tidak dapat diwujudkan. Di samping itu, penduduk dinasihatkan supaya menyalurkan maklumat kepada pihak kerajaan dengan segera dan tindakan itu dapat menyelamatkan nyawa yang tidak berdosa daripada menjadi mangsa keganasan komunis. Maklumat berkaitan kegiatan komunis boleh dihantar ke alamat Peti Surat No. 5000, Kuala Lumpur. Dalam risalah yang sama, kerajaan turut memaklumkan bahawa pemberi maklumat boleh mendapat ganjaran dan menyumbang kepada ketenteraman masyarakat. Selain itu, penduduk diseru membantu kerajaan dalam menamatkan ancaman pengganas komunis demi mengembalikan kehidupan yang aman damai.



Rajah 5. Risalah no. 348



Mensabotaj kemudahan asas juga adalah antara kegiatan yang kerap dilakukan oleh komunis pada zaman darurat. Tindakan tersebut mengganggu kehidupan dan kegiatan harian penduduk (RCP/PUB/18/50 1950). Pada zaman darurat, antara percubaan mensabotaj yang dilakukan ialah paip air kerap dirosakkan oleh komunis. Tindakan komunis ini mendatangkan kesulitan kepada kehidupan penduduk dan mereka terpaksa bergantung kepada air hujan, air sungai atau air perigi untuk kegunaan harian sebelum bekalan air dipulihkan. Keadaan ini mengakibatkan bahaya jangkitan penyakit kerana penggunaan air yang kurang bersih (Ho 2004, 219). Tindakan komunis merosakkan keperluan orang ramai itu telah dilaporkan berlaku di banyak tempat di negeri-negeri Melayu. Di Kajang, Selangor, misalnya, telah berlaku beberapa kali gangguan bekalan air kerana perbuatan komunis. Contohnya, paip air sepanjang lebih kurang dua batu di Kajang dirosakkan oleh komunis pada 23 Ogos 1949 (CO717/173 1949). Untuk menyedarkan dan mengingatkan penduduk tentang kegiatan komunis tersebut, Risalah No. 259 “Pengganas Komunis Merosakkan Bekalan Air Paip di Kajang” disediakan serta diedarkan kepada penduduk Cina oleh kerajaan (seperti dalam Rajah 6) (D.O.K.L. 58/50 1950). Melalui risalah ini, kerajaan berharap penduduk yang sedar tentang kejahatan komunis itu tidak akan membantu komunis, sebaliknya memberi kerjasama kepada kerajaan untuk membanteras komunis dan mengembalikan kehidupan normal mereka. Untuk itu, penduduk boleh menghantar maklumat ke balai polis berdekatan atau ke alamat Peti Surat No. 5000, Kuala Lumpur. Melalui risalah ini, kerajaan mempropagandakan komunis sebagai “pengganas” dan kerajaan bertanggungjawab untuk menghapuskan mereka demi kesejahteraan hidup penduduk.



Rajah 6. Risalah no. 259

Dalam pada itu, risalah yang memaparkan kejahatan dan keganasan komunis tersebut menimbulkan kekhuatiran pihak kerajaan British di London. Hal ini kerana risalah seperti itu akan meninggalkan imej negatif tentang kemampuan pihak pentadbiran British di Tanah Melayu dalam menghadapi tindakan komunis. Susulan perkara ini, kerajaan turut mengeluarkan risalah yang mendukung mesej supaya orang Cina memberi kerjasama kepada pihak pentadbiran bagi menangani masalah komunis dan juga menjauhkan diri mereka daripada komunis seperti yang akan dibincangkan selepas ini.

### **Menyeru Penduduk Cina Memberi Kerjasama kepada Kerajaan**

Risalah Darurat turut disebarkan dengan tujuan untuk menyeru penduduk Cina supaya membantu kerajaan dalam membanteras masalah komunis. Mereka boleh berbuat demikian dengan tidak membantu komunis dan sebaliknya menyalurkan maklumat tentang kegiatan komunis kepada pihak berkuasa. Daripada maklumat yang diperolehi, kerajaan boleh merancang dan melancarkan gerakan untuk menghapuskan komunis serta memulihkan keamanan negara. Sementara itu, nama pemberi maklumat akan dirahsiakan dan mereka boleh memperoleh ganjaran (dalam bentuk wang) daripada pihak berkuasa. Usaha ini merupakan antara strategi propaganda yang dilakukan oleh kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran penduduk supaya mereka membantu kerajaan untuk memerangi ancaman komunis. Dalam pada itu, kerajaan juga sedar tentang kepentingan dan keperluan kerjasama penduduk dalam membantu pihak berkuasa memerangi komunis. Justeru, penduduk Cina digalakkan bersatu tenaga antara mereka dan juga bekerjasama dengan kaum lain supaya dapat bersama-sama menghalang gerakan komunis daripada berleluasa.

Risalah Darurat No. 245 “Maklumat Boleh Menghapuskan Penyamun, Maklumat Boleh Mendapat Ganjaran Wang” (seperti dalam Rajah 7) (S.S. Johore No. 441/1949 1949) ialah contoh risalah yang bertujuan untuk menasihati dan menyeru penduduk supaya menyampaikan maklumat tentang kegiatan “penyamun” kepada kerajaan. Sebagai balasan, penduduk berkenaan akan diberi ganjaran wang kerana bekerjasama dengan pihak kerajaan. Hal ini kerana maklumat sangat penting dalam membantu kerajaan untuk membanteras komunis dan memulihkan keamanan negara. Dalam risalah berkenaan, kerajaan turut menegaskan bahawa komunis adalah “musuh” penduduk, maka mereka haruslah bekerjasama bagi menghapuskan mereka.




Rajah 7. Risalah no. 245

Sementara itu, Risalah Darurat No. 96-49 “Maklumat Dapat Memutuskan ‘Tulang Belakang’ Penyamun” (seperti dalam Rajah 8) (RCP/P.R./1049/48 1948) diedarkan kepada penduduk Cina untuk menyeru mereka agar tidak memberi wang kepada komunis walaupun diugut, sebaliknya mereka harus bekerjasama dengan pasukan keselamatan dan menyalurkan sebarang maklumat tentang komunis kepada kerajaan. Dalam risalah ini, kerajaan menegaskan kepentingan maklumat daripada penduduk yang membolehkan pasukan keselamatan menghapuskan komunis dengan berkesan kerana “maklumat dapat memutuskan ‘tulang belakang’ penyamun” sebagaimana slogan dalam risalah.



**Rajah 8.** Risalah no. 96–49

Selain bekerjasama dengan pihak keselamatan dalam menyampaikan maklumat komunis, kerajaan turut menyeru penduduk Cina untuk bersatu dan bekerjasama dengan kaum lain dalam menangani ancaman komunis. Risalah Darurat No. 243 “Rakyat Bersatu Dapat Menewaskan Penyamun” (seperti dalam Rajah 9) (S.S. Johore No. 441/1949 1949) diedarkan kepada penduduk Cina dengan harapan mereka bersatu kerana kesepakatan penduduk dapat menghalau dan mengalahkan komunis di kawasan mereka. Setelah komunis dihapuskan, penduduk dapat menikmati kehidupan yang damai dan stabil. Seruan dan galakan daripada kerajaan supaya penduduk bersatu dalam menentang komunis turut dapat dilihat melalui Risalah No. 304 “Bersatu Menentang Pengganas Komunis” (seperti dalam Rajah 10) (S.U.K. TR. 50/1951 1951).




Rajah 9. Risalah no. 243



Rajah 10. Risalah no. 304


Pada tahun 1948, kerajaan melaksanakan langkah pendaftaran penduduk supaya pergerakan penduduk dapat dikawal oleh pihak berkuasa dan dapat mengelakkan mereka daripada dipergunakan oleh komunis. Untuk itu, semua penduduk berumur 12 tahun dan ke atas diminta untuk berdaftar dengan pihak berkuasa. Mereka yang telah berdaftar dibekalkan dengan sekeping kad pengenalan yang akan diperiksa oleh anggota keselamatan di mana-mana mereka pergi. Risalah No. 135 “Semua Rakyat Dikehendaki Berdaftar” (seperti dalam Rajah 11) diedarkan kepada penduduk Cina pada ketika itu (Kroh No. 268/48 1948). Risalah ini memuatkan maklumat dan mesej kerajaan dalam tulisan Cina yang disasarkan kepada orang Cina. Dalam risalah ini, pihak kerajaan menekankan kepentingan langkah pendaftaran kepada penduduk dan menggalakkan mereka berdaftar dengan pihak berkuasa serta menjadi seorang rakyat yang mematuhi undang-undang. Risalah ini turut menekankan pendaftaran penduduk dapat menjamin keamanan dan keselamatan mereka, mengelakkan keganasan komunis serta menghalang pergerakan pendatang tanpa izin. Turut dinyatakan dalam risalah tersebut adalah langkah pendaftaran penduduk ditakuti oleh penganas komunis kerana langkah ini dapat mempercepatkan pengakhiran gerakan mereka. Pelbagai maklumat, mesej, seruan, galakan dan nasihat yang cuba disampaikan oleh kerajaan kepada penduduk Cina jelas dapat dilihat melalui risalah ini. Dengan itu, diharapkan penduduk Cina berdaftar dengan pihak pentadbiran dan keselamatan mereka akan dilindungi.



**Rajah 11.** Risalah no. 135




Pada tahun 1950, kerajaan memperkenalkan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat yang bertujuan melibatkan penduduk dalam membantu kerajaan menentang komunis. Selaras dengan itu, usaha dijalankan untuk menggalakkan penduduk berbilang kaum supaya berdaftar menjadi sukarelawan kempen. Risalah No. 132 “Malaya Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat” (seperti dalam Rajah 12) (S.U.K. TR. 50/1951 1951) diedarkan untuk memaklumkan kepada penduduk Cina tentang pelaksanaan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat, tugas sukarelawan kempen dan mengingatkan mereka untuk berdaftar menjadi anggota sukarela dalam membantu pasukan keselamatan bagi menjayakan kempen ini. Secara tidak langsung, kerajaan melalui risalah ini telah menyeru dan menggalakkan penduduk Cina untuk memberi kerjasama serta komitmen kepada kerajaan dalam melaksanakan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat.



Rajah 12. Risalah no. 132

Risalah No. 286 “Pengumuman: Pemindahan Penduduk – Daerah Jelebu” diedarkan kepada penduduk Cina yang tinggal di daerah Jelebu, Negeri Sembilan (seperti dalam Rajah 13) (S.S. Johore No. 441/1949 1949). Risalah ini mengandungi pengumuman daripada Pegawai Daerah Jelebu kepada penduduk Cina pada 12 Disember 1949. Pada ketika itu, kerajaan merancang untuk memindahkan penduduk ke kawasan baharu yang berdekatan dengan bandar atau balai polis. Hal ini kerana penduduk kawasan itu sering diugut dan dipaksa oleh komunis untuk membekalkan wang serta makanan. Justeru, pemindahan ini dapat melindungi keselamatan penduduk yang terlibat. Di bahagian bawah risalah, Pegawai Daerah Jelebu menyeru penduduk bekerjasama dengan kerajaan supaya darurat dapat ditamatkan secepat mungkin dan mereka juga diingatkan supaya tidak memberi

bantuan makanan kepada “penyamun” komunis. Risalah ini diterbitkan dalam tulisan Cina dengan makluman, mesej dan seruan daripada Pegawai Daerah Jelebu kepada penduduk Cina di daerah pentadbirannya.




Rajah 13. Risalah no. 286

### Menasihati Penduduk Cina Supaya Tidak Menyertai Komunis


Risalah Darurat yang diedarkan oleh kerajaan kepada penduduk Cina juga bertujuan untuk memastikan mereka tidak mudah terpengaruh dengan tipu muslihat dan kata-kata manis komunis lalu menyertai komunis. Justeru, penyebaran Risalah Darurat ini dapat mendedahkan perjuangan komunis yang sebenarnya kepada penduduk Cina supaya mereka menjauhkan diri daripada pengganas. Risalah seperti ini telah diedarkan oleh pihak pentadbiran di merata-rata tempat tumpuan orang Cina. Contohnya, Risalah No. 369 “Orang yang Membantu Penyamun Parti Komunis Akan Dijatuhkan Hukuman Mati” (seperti dalam Rajah 14) diedarkan kepada orang Cina supaya mereka tidak menyertai *min yuen* (gerakan massa) dan memberi bantuan kepada komunis (CO875/71 1950–1951). Dalam risalah ini, kerajaan menegaskan bahawa mereka yang terlibat dalam *min yuen* ialah “pemusnah rezeki petani, musuh rakyat, pengkhianat bangsanya sendiri, *running-dogs* (anjing suruhan) komunis dan penjahat yang keji”. Mereka itu amat dibenci oleh penduduk dan kerajaan memutuskan untuk menghapuskan mereka. Justeru,

kerajaan meminta penduduk Cina yang terlibat supaya menyerah diri dan jika tidak, mereka akan dijatuhkan hukuman mati. Dengan itu, penyebaran risalah ini bertujuan untuk menyedarkan penduduk Cina supaya tidak bersekongkol dengan komunis.




Rajah 14. Risalah no. 369

Risalah No. 357 dengan slogan “Anda Sendiri Membuat Pertimbangan!” (seperti dalam Rajah 15) pula diedarkan kepada penduduk Cina supaya mereka memikirkan dan membuat pertimbangan tentang tujuan gerakan komunis berbanding dengan tujuan pihak kerajaan (CO875/71 1950–1951). Risalah dalam bentuk tulisan Cina ini diedarkan kepada orang Cina khasnya mereka yang membantu “penyamun” komunis. Dalam risalah ini, kerajaan cuba menyedarkan penduduk Cina tentang perbuatan jahat komunis berbanding dengan kebaikan kerajaan iaitu “Penjahat komunis merosakkan dan menghalang pembangunan; sesiapa yang membantu mereka adalah sama dengan meruntuhkan masa depan Tanah Melayu yang cerah. Sementara itu, kerajaan membina dan menggerakkan pembangunan; kerajaan mengambil berat terhadap kebajikan penduduk dan bertekad untuk menghapuskan penjahat”. Secara tidak langsung, penyebaran risalah ini dapat menyedarkan penduduk supaya menjauhi dan tidak menyertai kegiatan komunis.



Rajah 15. Risalah no. 357

Risalah No. 354 “Mereka yang Digula-gulakan oleh Penyamun, Sedarlah!” (seperti dalam Rajah 16) (CO875/71 1950–1951) diedarkan kepada kumpulan sasaran, iaitu penduduk Cina secara umumnya dan penduduk Cina di kawasan gerak tindak komunis. Risalah ini disediakan dalam bentuk tulisan sahaja tanpa sebarang ilustrasi atau foto. Melalui risalah ini, kerajaan mengingatkan penduduk bahawa mereka telah dipergunakan oleh komunis untuk melakukan pelbagai kegiatan kejahatan terhadap penduduk yang tidak berdosa. Justeru, kerajaan menyeru mereka yang diperalatkan itu supaya menyerah diri dan jangan terus dipergunakan oleh komunis. Seruan kerajaan supaya penduduk sedar dan menyelamatkan diri daripada komunis adalah jelas ditulis dalam risalah dengan kata-kata “Tawaran menyerah diri daripada kerajaan masih terbuka. Bertindak segera sebelum terlambat. Memilih jalan yang benar. Menyerah diri kepada pasukan keselamatan. Kenapa mati bersama penyamun?”.



Rajah 16. Risalah no. 354

Risalah No. 242 “Persamaan Status: Menurut Parti Komunis” (seperti dalam Rajah 17) juga telah diedarkan kepada orang Cina pada zaman darurat (S.S. Johore No. 441/1949 1949). Risalah ini menjelaskan bahawa tidak akan ada persamaan status antara ketua komunis dengan pengikut mereka dan ia hanyalah muslihat komunis untuk menarik penyertaan penduduk dalam gerakan mereka. Dengan itu, penyebaran risalah ini diharapkan dapat mencetuskan kesedaran dalam kalangan penduduk Cina tentang keadaan sebenar dalam parti komunis supaya penduduk tidak mudah terpedaya lalu menyertai komunis. Risalah ini dimuatkan dengan ilustrasi yang dapat menarik perhatian penduduk untuk membaca risalah tersebut. Di sebelah kiri risalah, digambarkan keadaan hidup anggota komunis iaitu “anggota komunis makan ubi dan memakai pakaian yang koyak rabak” berbanding dengan ketua mereka seperti yang dapat dilihat di sebelah kanan risalah yang mana “ketua komunis dengan pakaian kemas dan menikmati makanan yang enak”. Risalah ini memberi gambaran perbandingan antara kehidupan anggota biasa dengan ketua komunis yang menunjukkan tiada persamaan status dalam parti komunis. Risalah ini berperanan dalam mengubah persepsi penduduk terhadap PKM dan mengurangkan penyertaan mereka dalam kegiatan komunis. Dengan itu, penggunaan risalah seperti ini adalah antara strategi propaganda penting kerajaan dalam memenangi jiwa dan pemikiran penduduk Cina supaya mereka tidak menyertai komunis.



Rajah 17. Risalah no. 242

### Impak kepada Usaha Kerajaan Memerangi Komunis

Penyebaran Risalah Darurat merupakan antara strategi yang diambil oleh kerajaan dalam usaha memerangi gerakan komunis di Tanah Melayu. Risalah juga berperanan sebagai saluran komunikasi pihak kerajaan dengan penduduk dan turut membantu kerajaan dalam memenangi keyakinan penduduk kepada kerajaan. Risalah juga digunakan sebagai propaganda kerajaan dalam usaha menyekat hubungan antara penduduk dengan komunis. Penyebaran Risalah Darurat kepada penduduk dapat mempengaruhi pemikiran penduduk supaya membantu kerajaan dalam menjayakan langkah-langkah yang dijalankan untuk memerangi ancaman komunis. Sememangnya sukar untuk mengukur keberkesanan risalah kepada kejayaan pihak kerajaan dalam membanteras komunis. Namun demikian, risalah merupakan medium propaganda dalam membantu kerajaan untuk meraih sokongan dan keyakinan penduduk Cina terhadap langkah kerajaan untuk membanteras komunis. Seterusnya, turut diketengahkan beberapa contoh pencapaian pihak kerajaan dalam memerangi gerakan komunis yang dibantu dan berhubung kait dengan Risalah Darurat.

Penggunaan strategi kekerasan dan keganasan oleh PKM dalam gerakan mereka adalah antara penyumbang kepada kegagalan perjuangan komunis di Tanah Melayu (Ho 2010b, 87). Pelbagai kegiatan keganasan komunis termasuklah serangan, sabotaj, ugutan dan pembunuhan telah dilaporkan berlaku di merata tempat di Tanah Melayu seperti yang dapat dilihat dalam Risalah Darurat



No. 350, No. 351, No. 349, No. 389, No. 348 dan No. 259. Tindakan komunis itu mendatangkan banyak gangguan dan kesusahan kepada kehidupan serta kegiatan harian penduduk. Justeru, penduduk mengalihkan sokongan kepada kerajaan untuk melindungi keselamatan mereka dan menghapuskan komunis. Perkara ini dapat dilihat melalui kerjasama dan penglibatan penduduk dalam usaha kerajaan memerangi komunis seperti langkah pendaftaran, Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat, rancangan pemindahan penduduk, serta penyertaan penduduk dalam pasukan Home Guard yang akan dibincangkan.

Sewaktu kerajaan melaksanakan langkah pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada tahun 1948, komunis menjalankan propaganda anti pendaftaran dan menakut-nakutkan penduduk yang mengambil bahagian dalam pendaftaran tersebut. Kertas kecil atau nota dengan tulisan tangan (tulisan Cina) yang mengandungi slogan anti pendaftaran daripada komunis dengan nada ugutan dapat dijumpai di merata tempat di negeri Melayu. Kertas nota anti pendaftaran komunis ini sama ada digantung pada pokok-pokok atau ditampal di tempat awam dengan slogan seperti “Running-dogs who register will be killed” (Anjing suruhan yang mendaftar akan dibunuh), “Persons registering are accomplices of British Imperialists” (Orang yang mendaftar adalah rakan sejenayah Imperialis British), “Use your identity cards as joss paper” (Gunakan kad pengenalan anda sebagai kertas berhala) dan sebagainya (Miller 1954, 118). Dalam usaha untuk menyekat pelaksanaan langkah kerajaan, komunis juga merampas kad pengenalan penduduk. Walaupun demikian, langkah pendaftaran penduduk dapat dijalankan dengan jayanya dan dapat menyekat gerakan komunis yang tidak mempunyai kad pengenalan. Sokongan penduduk yang membawa kepada kejayaan langkah yang diambil kerajaan telah dilaporkan seperti “The reason why National Registration was so successful was because of the cooperation given by the public and also because the public realised the usefulness of it as a safeguard to their own safety” (RCP/PR/1049/48(1) 1948). Sehingga 28 Februari 1949, kerja pendaftaran di negeri-negeri Melayu telah selesai yang menunjukkan bahawa kerja pendaftaran tidak terganggu akibat tindakan komunis. Hal ini kerana melalui Risalah Darurat seperti Risalah No. 135, kerajaan telah menerangkan tentang kepentingan penduduk berdaftar dengan kerajaan demi keselamatan mereka dan juga agar dapat membantu kerajaan menghapuskan kegiatan komunis.

Bagi memperoleh kerjasama dan menggalakkan penyertaan penduduk dalam usaha kerajaan menangani komunis, Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat diperkenalkan pada tahun 1950. Demi tujuan tersebut, Jabatan Penerangan telah mengeluarkan sejumlah 4,100,000 keping risalah di samping 170,000 keping poster dan 40,000 buah buku kecil (Ramakrishna 2002a, 80). Salah satu daripada risalah tersebut ialah Risalah No. 132 telah disebar untuk menyeru penduduk

memberi kerjasama dalam menjayakan Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat. Menjelang hari pelancaran Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat pada 27 Februari 1950, seramai 364,322 orang penduduk daripada pelbagai kaum telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan. Sewaktu pendaftaran ditutup pada 15 Mac 1950, jumlah sukarelawan menjangkau hampir 435,905 orang (Sulaiman 1984, 158). Angka jumlah sukarelawan ini menunjukkan penduduk di Tanah Melayu bersedia untuk memainkan peranan yang aktif dalam gerakan membanteras komunis. Sepanjang Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat dijalankan, 38 orang komunis berjaya dibunuh, 15 orang ditawan, 27 orang ejen dan 91 orang penyokong komunis ditangkap oleh pihak berkuasa. Sebaliknya, dalam kalangan sukarelawan pula, hanya seorang sahaja terbunuh, seorang mengalami cedera parah dan empat orang cedera ringan ketika menjalankan tugas mereka (Sulaiman 1984, 167–168). Meskipun kempen ini tidaklah memberi impak besar kepada gerakan komunis namun ia dapat menunjukkan kesediaan penduduk untuk membantu kerajaan menangani kegiatan komunis.

Salah satu langkah penting yang dijalankan oleh kerajaan ialah pemindahan penduduk supaya mereka tidak diganggu oleh komunis dan juga pada masa yang sama, dapat mengelakkan komunis memperoleh bantuan daripada penduduk. Sehubungan dengan hal ini, Risalah Darurat memainkan peranan dalam memaklumkan penduduk di kawasan berkaitan supaya bekerjasama dengan kerajaan untuk memindahkan mereka ke kawasan yang lebih selamat. Perkara ini dapat dilihat dalam Risalah No. 286 yang telah dibincangkan sebelum ini. Usaha kerajaan memindahkan penduduk ke kampung baru mencatatkan kejayaan kerana pada 16 September 1950, jumlah penduduk yang ditempatkan semula sudah mencapai seramai 25,853 orang (CO717/201 1951). Menjelang bulan Mac 1952, kira-kira 85,000 buah keluarga dengan penduduk lebih kurang 423,000 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak telah ditempatkan semula di 410 buah kampung baru yang dibina (CO1022/29 1951–1953). Sehingga tahun 1954, sudah terdapat sejumlah 480 buah kampung baru di Tanah Melayu, dengan jumlah penduduknya 572,917 (Nyce 1973, XL; RCP/487/52 1952). Di sini dapat dilihat Risalah Darurat turut digunakan dalam langkah propaganda kerajaan untuk menangani kegiatan komunis dan melindungi keselamatan penduduk.

Dalam memerangi ancaman komunis, kekuatan pertahanan merupakan elemen yang sangat penting. Bagi meningkatkan bilangan anggota pertahanan tempatan, kerajaan memperkenalkan pasukan Home Guard dan menyeru penduduk untuk bersatu tenaga dalam menentang komunis sebagaimana mesej yang terpapar melalui Risalah No. 243 dan No. 304. Pasukan ini akan menjalankan rondaan dan melindungi keselamatan kawasan petempatan serta kampung bersama dengan polis daripada ancaman komunis. Menjelang bulan Julai 1951, sudah terdapat seramai

79,000 orang Home Guard di Tanah Melayu. Bilangan ini kemudian meningkat kepada 139,829 orang pada bulan November 1951 (D.O.N.T. 179/50 1950; A.O.E. 10/52 1952). Sementara itu, menjelang tahun 1954, terdapat hampir 200,000 orang Home Guard yang berkhidmat dalam mempertahankan keamanan di Tanah Melayu (Barber 1971, 156–157). Dengan itu, langkah propaganda menggunakan Risalah Darurat turut membantu kerajaan dalam menjayakan usaha memerangi komunis.

Selain itu, kerajaan juga menawarkan hadiah berbentuk wang kepada mereka yang berjaya menyalurkan maklumat tentang komunis. Perkara ini telah berulang kali ditegaskan oleh kerajaan melalui Risalah Darurat tentang kepentingan maklumat dalam membantu kerajaan menghapuskan komunis dan memulihkan keamanan negara. Perkara ini dapat dilihat dalam Risalah No. 245 dan No. 96–49 yang dibincangkan sebelum ini. Risalah seperti ini mampu membangkitkan kerjasama penduduk Cina dengan menyalurkan maklumat kepada kerajaan untuk membanteras kegiatan komunis. Sepanjang enam bulan pertama tahun 1952, purata bulanan kejadian keganasan komunis telah menurun kepada 428 kejadian berbanding dengan 507 kejadian dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Serangan terhadap estet dan lombong turut jatuh daripada 138 kes pada bulan Februari kepada 73 kes pada Julai 1952 (Barber 1971, 177). Perkembangan ini menunjukkan kerajaan telah berjaya menarik perhatian penduduk untuk memberi kerjasama kepada kerajaan dan bukan komunis.

Risalah Darurat adalah strategi propaganda yang digunakan oleh kerajaan untuk mempengaruhi penduduk Cina supaya tidak mudah terpengaruh dengan kegiatan komunis. Melalui strategi propaganda ini, kerajaan cuba untuk memujuk, merayu dan mengambil hati penduduk Cina. Selain itu, pendekatan propaganda menggunakan Risalah Darurat ini juga dapat menyokong langkah-langkah kerajaan untuk membendung gerakan komunis. Risalah Darurat juga digunakan sebagai instrumen komunikasi untuk pihak kerajaan menyalurkan maklumat dan mesej kepada penduduk Cina. Sepanjang tindakan kerajaan membanteras kegiatan komunis dari tahun 1948 hingga 1958, kerajaan berjaya membunuh seramai 6,602 orang komunis, menangkap 1,279 orang dan 2,246 orang lagi menyerah diri (Abdullah Zakaria 2010, 78). Sehingga tamat darurat pada tahun 1960 pula, seramai 6,710 orang komunis dibunuh, 1,287 orang ditangkap dan 2,702 orang menyerah diri (O'Ballance 1960, 177–178). Pencapaian ini adalah hasil usaha daripada kerajaan dengan kerjasama daripada penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya pula, kelemahan komunis semakin ketara menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Sehingga 28 Ogos 1959, 98% atau sejumlah 10,561 orang komunis telah sama ada berjaya dibunuh, ditawan atau menyerah diri kepada pihak berkuasa (Comber 2008, 277). Justeru, setelah PKM benar-benar menjadi lemah dan tidak lagi mengancam keselamatan negara, pada 19 April 1960, DYMM Yang di-Pertuan

Agong ketika itu, Tuanku Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, semasa baginda bertitah dalam majlis pembukaan sidang parlimen, mengisytiharkan penamatan zaman darurat di seluruh negara yang berkuat kuasa mulai 31 Julai 1960.

## **Kesimpulan**

Daripada kajian yang dijalankan, selain langkah ketenteraan dan rancangan-rancangan kerajaan dalam memerangi komunis, kerajaan juga menjalankan strategi propaganda untuk memenangi jiwa dan pemikiran penduduk Cina di Tanah Melayu. Hal ini memandangkan majoriti penduduk yang terpengaruh dan terlibat dalam kegiatan komunis secara langsung atau tidak langsung ialah orang Cina. Justeru, kerjasama dan keyakinan mereka terhadap usaha kerajaan dalam membanteras komunis adalah sangat penting. Dalam hal ini, Risalah Darurat digunakan oleh kerajaan sebagai satu strategi untuk mempengaruhi pemikiran orang Cina supaya sedar tentang kegiatan keganasan komunis dan tidak bersubahat dengan mereka. Perkara yang mendasari risalah ini adalah selari dengan kegiatan yang dilakukan oleh komunis pada ketika itu. Melalui risalah, maklumat kegiatan kejahatan dan keganasan komunis dapat disampaikan kepada penduduk Cina di Tanah Melayu. Malah, mesej propaganda kerajaan itu turut dapat memaparkan tujuan sebenar perjuangan komunis dan kesan daripada perkara ini kepada kehidupan penduduk. Kegiatan komunis pada zaman darurat mendatangkan banyak kesusahan kepada penduduk Cina dan mewujudkan keadaan ketidaktenteraman dalam masyarakat. Oleh itu, penduduk Cina digalakkan supaya menyampaikan maklumat tentang komunis kepada pihak pentadbiran dan pasukan keselamatan dengan menghantar maklumat ke balai polis berdekatan atau ke alamat Peti Surat No. 5000, Kuala Lumpur. Sokongan dan kerjasama daripada penduduk ini adalah sangat penting dalam usaha kerajaan menangani masalah komunis. Selain itu, kerajaan juga menasihati penduduk supaya tidak membantu dan tidak menyertai kegiatan komunis. Sebaliknya, mereka dinasihati supaya bekerjasama dengan kerajaan bagi menghapuskan komunis. Jelas di sini bahawa risalah adalah instrumen komunikasi penting yang digunakan oleh pentadbiran British untuk berhubung dengan masyarakat Cina ketika itu. Risalah juga berperanan sebagai propaganda kerajaan untuk mempengaruhi penduduk supaya tidak membantu komunis, sebaliknya menyokong kerajaan untuk membanteras ancaman komunis. Melalui penyebaran maklumat tentang kegiatan komunis, kerajaan dapat memberi keyakinan dan nasihat kepada penduduk supaya tidak takut serta tunduk kepada komunis, sebaliknya memberi segala maklumat berkaitan gerakan komunis kepada pihak berkuasa. Dengan adanya maklumat daripada penduduk, usaha pihak keselamatan untuk menghapuskan gerakan komunis dapat dijalankan

dengan lebih berkesan, keselamatan nyawa dan harta penduduk dapat dilindungi serta seterusnya, keamanan negara dapat dipulihkan. Dengan itu, kehidupan yang lebih stabil kepada penduduk Cina dapat diwujudkan. Melalui tindakan ini, pihak kerajaan dapat membaiki imej mereka dan mempropagandakan diri mereka sebagai pelindung kepada keselamatan penduduk Cina daripada ancaman komunis. Komunis pula dilabelkan sebagai “penjahat”, “pembunuh”, “pengganas” atau “penyamun” yang boleh menghancurkan kehidupan penduduk dan keamanan negara. Dengan demikian, adalah jelas Risalah Darurat merupakan antara strategi propaganda yang digunakan oleh kerajaan dalam memenangi kerjasama penduduk Cina untuk membantu kerajaan bagi membendung kegiatan komunis di Tanah Melayu pada zaman darurat.

### **Penghargaan**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya dan Fakulti Sastera dan Sains Sosial atas pemberian Geran Penyelidikan Fakulti dengan kod projek GPF034B-2020.

### **Nota**

1. Jabatan Perhubungan Raya (*Department of Public Relations*) ditubuhkan pada bulan April 1946 sebagai jabatan propaganda pentadbiran British di negeri-negeri Melayu. Pada peringkat awal, tugas jabatan ini adalah memberi penerangan kepada penduduk berkaitan keadaan semasa selepas Perang Dunia Kedua. Namun bermula pada bulan Jun 1948, jabatan ini mula memberi keutamaan kepada menyokong tindakan kerajaan dan pasukan keselamatan dalam usaha membanteras ancaman komunis setelah bermulanya zaman darurat. Menjelang tahun 1950, nama jabatan ini diubah kepada Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu. Jabatan Penerangan menubuhkan Unit Van Penerangan Bergerak (*Mobile Information Unit*) yang juga dikenali *loudspeaker van* (van pembesar suara). Unit ini bergerak untuk menyedarkan penduduk di kawasan luar bandar tentang bahaya ancaman komunis. Unit ini juga mengadakan ceramah, kursus sivik, pementasan drama, tayangan filem dan siaran radio untuk memberikan penerangan serta maklumat propaganda kerajaan. Jabatan Penerangan juga mewujudkan pusat penerangan dan mengadakan pameran di merata tempat pada sepanjang tahun. Selain itu, Jabatan Penerangan diberi tanggungjawab dalam penerbitan buku kecil, poster, risalah, fotografi dan majalah untuk diedarkan kepada penduduk. Kerja pencetakan dilakukan oleh agensi percetakan rasmi kerajaan atau lapan syarikat percetakan persendirian tempatan yang diluluskan oleh agensi percetakan kerajaan (Ramakrishna 2002a, 72–78; Stubbs 1989, 181–182. Rujuk juga P.R. 281/1951 1951; Sel. Sec. 475/1948 1948; Sel. Sec. 840/1949 1949; *Federation of Malaya Annual Report 1954*, 378; *Federation of Malaya Annual Report 1957*, 12–13; Friedman 2010, 5–6).

## Rujukan

- A.O.E. 10/52. 1952. *Home and kampong guards*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2010. Komunikasi dan komunisme di Persekutuan Tanah Melayu, 1948–1960: Kempen memenangi hati dan pemikiran rakyat. *Malaysia dari Segi Sejarah* 38: 62–78.
- Barber, N. 1971. *The war of the running dogs*. London: Collins.
- Chin, A. 1995. *The Communist Party of Malaya: The inside story*. Kuala Lumpur: Vinpress.
- Clutterbuck, R. 1967. *The long long war: The emergency in Malaya 1948–1960*. London: Cassel and Company Limited.
- CO717/168. 1948. *Extract from "The Straits budget", Singapore, June 24 1948*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO717/169. 1948. *Cipher telegram, 19 June 1948*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO717/173. 1949. *Inward telegram, 27 August 1949, report for week ending midday 25th August 1949*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO717/175. 1948–1949. *Federation of Malaya police monthly C.I.D. survey of crime for June 1948*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO717/201. 1951. *Law and order, weekly situation reports*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- CO825/66. 1948. *Cipher telegram, 2 August 1948*. London: The National Archives.
- CO875/71. 1950–1951. *Supply of material from I.O. depts anti-banditry: Emergency leaflets – Malaya*. London: The National Archives.
- CO1022/29. 1951–1953. *The resettlement of squatters in Malaya*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Comber, L. 2008. *Malaya's secret police 1945–60: The role of the Special Branch in the Malayan emergency*. Australia/Singapore: Monash Asia Institute, Institute of Southeast Asian Studies.
- D.O.K.L. 58/50 (A). 1950. *Dissemination of facts and advice to the Malays in kampong during the present emergency*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- D.O.K.L. 58/50. 1950. *Dissemination of facts and advice to the Malays in kampong during the present emergency*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- D.O.N.T. 179/50. 1950. *Co-operation of the civil population in emergency measures (formation of Home Guards)*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Federation of Malaya. 1948. *Second supplement to Federation of Malaya government gazette. Vol. 1. No. 13. 23 July 1948*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Federation of Malaya Annual Report 1954*. 1955. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya Annual Report 1957*. 1958. Kuala Lumpur: Government Press.
- Federation of Malaya No. 10 of 1948. 1948. *F.M.S. ordinances and M.U. ordinance*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Friedman, S.G.M.H.A. 2010. Psychological warfare of the Malayan emergency, 1948–1960. Retrieved from <https://www.psywarrior.com/MalayanEmergency.html> (accessed 17 February 2022).



- Handbook to Malaya (Federation of Malaya and the Colony of Singapore) and the Emergency*. 1956. July. Singapore: Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and the Regional Information Office.
- Ho Hui Ling. 2020. Lee Meng: Wanita komunis yang menggemparkan dunia [Lee Meng: The world's tumultuous communist woman]. *Kajian Malaysia* 38(1): 141–167. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.7>
- \_\_\_\_\_. 2010a. *Pembanterasan komunis di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 2010b. Kegagalan gerakan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM), 1948–1960: Satu analisis. *Malaysia dari Segi Sejarah* 38: 79–96.
- \_\_\_\_\_. 2004. *Darurat 1948–1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kroh No. 268/48. 1948. *Emergency leaflets*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- McHugh, J.N. 1965/1966. Psychological warfare in Malaya (1942–1946). *Journal of the Historical Society* 4: 48–64.
- \_\_\_\_\_. 1966/1967. Psychological, or political, warfare in Malaya. *Journal of the Historical Society* 5: 75–94.
- Miller, H. 1954. *Menace in Malaya*. London: George H. Harrap & Co. Ltd.
- Mohd Kasri Saidon. 2019. Era darurat 1948–1960: Strategi dan perancangan pihak kerajaan memerangi ancaman Parti Komunis Malaya (PKM). *International Journal of Law, Government and Communication* 4(15): 235–251. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.4150023>
- Nanyang Siang Pau*. 1948a. Estet Sungai Siput berlumuran darah tiga orang Eropah dibunuh. 17 June.
- \_\_\_\_\_. 1948b. Tiada kerja penorehan getah di estet, lima kes pembunuhan dalam sehari, tiga orang Eropah terbunuh. 18 June.
- Nyce, R. 1973. *Chinese new villages in Malaya: A community study*. Kuala Lumpur: Malaysia Research Institute Ltd.
- O'Ballance, E. 1960. *Malaya: The communist insurgent war, 1948–1960*. London: Faber and Faber.
- P.R. 281/1951. 1951. *Changing of the name of the Department of P.R. to that of the Department of Information*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Raj, J.J. 2000. *The war years and after*. Selangor, Malaysia: Pelanduk Publications.
- Ramakrishna, K. 2002a. *Emergency propaganda: The winning of Malayan hearts and minds 1948–1958*. Surrey, England: Curzon Press.
- \_\_\_\_\_. 2002b. Telling the simple people the truth: The role of strategic propaganda in the Malayan emergency. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 75(1): 49–68.
- RCP/487/52. 1952. *Resettlement: Welfare*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- RCP/P.R./1049/48. 1948. *Emergency regulations: Publicity material*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- RCP/PR/1049/48(1). 1948. *Emergency regulations: Publicity material*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- RCP/PUB/18/50. 1950. *Emergency regulations: Publicity material*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- S.S. Johore No. 441/1949. 1949. *Issue of facts and advice to Malays in kampongs under present emergency period*. Johor, Malaysia: Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Johor/Melaka/Negeri Sembilan.
- S.U.K. TR. 62/1950. 1950. *Dissemination of facts and advice during the present emergency*. Terengganu, Malaysia: Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.
- S.U.K. TR. 50/1951. 1951. *Dissemination of facts and advice during the present emergency, 1951*. Terengganu, Malaysia: Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Terengganu.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. 2017. Sejarah penubuhan dan perkembangan agensi propaganda: Pengalaman Malaysia sejak darurat sehingga Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1948–1965). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 44(2): 137–158.
- Sel. Sec. 475/1948. 1948. *Annual report for 1947 of the state P.R. organisation of Selangor*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Sel. Sec. 840/1949. 1949. *Annual report of the Department of Public Relations, Federation of Malaya for 1948*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Short, A. 2000. *In pursuit of mountain rats: The communist insurrection in Malaya*. Singapore: Cultured Lotus.
- Soenarno, R. 1960. Malay nationalism 1896–1941. *Journal of Southeast Asian History* 1(1): 1–28.
- SP. 127/A/1. 1981. *National liberation struggle and the communist global strategy: Their development and impact upon communist insurgency in Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Stubbs, R. 1989. *Hearts and minds in guerrilla warfare, the Malayan emergency 1948–1960*. Singapore: Oxford University Press.
- Sulaiman Haji Abdul Samad. 1984. Bulan rakyat melawan penjahat. In *Darurat 1948–1960*, eds. Khoo Kay Kim dan Adnan Haji Nawang, 145–174. Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera.
- T.P.D. 428/52. 1952. *Emergency. Pejabat Perancang Bandar dan Kampong*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- The Communist Threat to the Federation of Malaya*. 1959. Kuala Lumpur: Government Press.
- The Malay Mail*. 1948. Two further attempts made to murder planters. 17 June.
- The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*. 1948a. Gunmen kill three planters, seriously injure estate contractor. 17 June.
- \_\_\_\_\_. 1948b. Emergency rules for Malaya. 27 July.
- The Straits Times*. 1948a. Five estate murders in one day. 17 June.
- \_\_\_\_\_. 1948b. Bandits burn village: 500 homeless. 27 July.
- Ward, I. and Mirafior, N., eds. 2003. *Chin Peng: My side of history*. Singapore: Media Masters Pte Ltd.
- Yuen, Y.L. 1998. *Operation Ginger*. Kuala Lumpur: Vinpress.